

MEMO DALAMAN
UNIT KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Ruj.Kami : PPD/009/46 ()

Tarikh : 23 SEPT 2022

| | | |
|-----------------|---|--|
| PERKARA | HEBAHAN DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD AM BENGKEL/MAKMAL POLITEKNIK PORT DICKSON. | |
| DARIPADA | PENGARAH | Salinan: TP (A) TP (SA) KUKKP |
| KEPADA | KETUA JABATAN / KETUA UNIT | |

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. Untuk makluman, pihak Pengurusan Tertinggi telah mengambilkira dan mengesahkan hasil dapatan kajian semula terhadap Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja dan SOP Am Bengkel/Makmal oleh Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerja Politeknik Port Dickson.

3. Sehubungan degan itu, semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit adalah perlu untuk menghebah Dasar KKP dan SOP Am Bengkel/Makmal (sila rujuk Lampiran) di peringkat Jabatan dan Unit.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ISHAK BIN MOHAMAD)
Pengarah
Politeknik Port Dickson

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Politeknik Port Dickson (PPD) untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya bagi mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan.

Secara khususnya dasar KKP PPD ialah:-



- i. Menyedia dan menyenggarakan suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat dalam usaha menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP;
- ii. Memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- iii. Menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- iv. Mematuhi kehendak-kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tata amalan yang diluluskan;
- v. Memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian dan penggunaan cara kerja selamat serta sihat;
- vi. Menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan asas bagi semua pekerja termasuk peralatan pencegahan dan keselamatan diri; dan
- vii. Untuk mengkaji semula dasar mengikut keperluan dari semasa ke semasa bagi penambahbaikan berterusan.

SAFETY


YBrs. Dr. Ishak Bin Mohamad
Pengarah
Politeknik Port Dickson
12/08/2022



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP – STANDARD OPERATING PROCEDURE) AM KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI BENGKEL/MAKMAL.

Pengguna bengkel dan makmal diwajibkan memahami dan mematuhi semua SOP AM KESELAMATAN DAN KESIHATAN BENGKEL DAN MAKMAL. Tindakan tegas akan di ambil sekiranya terdapat pengguna yang tidak mematuhi peraturan tersebut.

CAUTION

1. Mendapatkan kebenaran daripada pensyarah sebelum menggunakan mesin/peralatan di bengkel/makmal.
2. Memastikan diri bersedia untuk melakukan aktiviti bengkel/makmal. Jika kesihatan tidak memuaskan, sila laporkan kepada pensyarah dengan serta-merta.
3. Dilarang makan dan minum semasa menjalankan aktiviti di bengkel/makmal.
4. Dilarang bergurau senda semasa berada di dalam bengkel/makmal.
5. Memastikan segala mesin/peralatan, kelengkapan dan alat perlindungan diri (PPE – Personal Protective Equipment) di dalam keadaan yang selamat, baik dan bersih sebelum dan selepas digunakan.
6. Memastikan persekitaran bengkel/makmal di dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum, semasa dan selepas digunakan.
7. Memastikan bengkel/makmal mempunyai cahaya yang cukup terang, peredaran udara yang baik dan laluan keluar masuk bebas daripada segala halangan.
8. Memastikan alat kawalan dan perlindungan elektrik di bengkel/makmal berfungsi dengan baik.
9. Semua mesin/peralatan hendaklah diselenggara secara berkala.
10. Melaporkan segala kerosakan pada mesin/peralatan, kelengkapan dan PPE kepada pensyarah dengan kadar segera sebelum memulakan sebarang aktiviti.
11. Melaporkan kemalangan, tindakan atau keadaan tidak selamat kepada pensyarah dengan segera.
12. Menyimpan dan menyusun mesin/peralatan, kelengkapan dan PPE di tempat yang disediakan dengan kemas dan teratur.
13. Memastikan mesin/peralatan yang mengalami sebarang tumpahan dan kebocoran dibersihkan dengan cara yang betul dan berkesan.
14. Menggunakan alat pemadam api yang disediakan dengan selamat sekiranya berlaku kebakaran kecil.
15. Meninggalkan bengkel/makmal dengan seberapa segera ke tempat berkumpul apabila berlaku kecemasan atau amaran loceng kebakaran berbunyi.
16. Menggunakan mesin/peralatan dengan cara yang betul, selamat dan mengikut SOP mesin/peralatan berkaitan.
17. Setiap pengguna WAJIB menggunakan alat perlindungan diri (PPE) yang bersesuaian dengan jenis kerja.
18. Gunakan kaedah yang betul semasa mengangkat barang dan dapatkan bantuan sekiranya perlu.
19. Pastikan tangan anda kering apabila mengendalikan sebarang sambungan elektrik bagi mengelakkan kejutan elektrik.
20. Memastikan punca air, api, elektrik, dan gas ditutup selepas digunakan.
21. Memastikan anda memahami Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya (SDS) sebelum mengendalikan bahan kimia.
22. Memastikan semua bekas mengandungi cecair mudah terbakar dilabel, ditutup dan disimpan dengan baik serta selamat dari punca api.
23. Memastikan penggunaan dan penyimpanan bahan kimia dalam keadaan yang baik dan selamat sebelum dan selepas digunakan.
24. Memastikan segala bentuk sisa hasil aktiviti di bengkel/makmal diuruskan dengan baik.
25. Mematuhi semua arahan, prosedur, tanda amaran, peraturan berkaitan keselamatan dan kesihatan PPD.

YBrs. Dr. Ishak bin Mohamad
Pengarah
Politeknik Port Dickson
14/08/2022